

Covid-19 punca harga minyak susut

Permintaan minyak dunia mengalami kejatuhan

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Pakar ekonomi berpendapat bahawa harga minyak susut kerana wabak koronavirus (Covid-19) menyerang ekonomi di China dan impaknya yang terus merebak di seluruh dunia sehingga kini.

Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, Covid-19 menyebabkan permintaan minyak dunia mengalami kejatuhan.

"Permintaan minyak global telah terjejas oleh Covid-19 dan banyak negara mengambil keputusan untuk menyekat perjalanan udara, malah penduduk dunia juga memilih untuk tidak mengembara."

"Kejatuhan harga minyak mungkin bagus bagi pengguna, namun kesan kepada kerajaan adalah sebaliknya kerana ia akan mengurangkan lagi pendapatan kerajaan," katanya.

Ditanya mengenai trend penurunan minyak akan terus kekal, beliau berkata, keadaan itu bergantung kepada pelbagai faktor lain, selain kesan daripada penularan Covid-19.




DR AHMED RAZMAN



DR SHAZALI

HARGA PETROL MINGGUAN

7 - 13 MAC 2020



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Infografik Bernama

Harga runcit RON97, RON95 dan diesel turun

PUTRAJAYA - Harga runcit bagi petrol RON97 turun sebanyak 21 sen kepada RM2.19 seliter dan RON95 turun sebanyak 19 sen kepada RM1.89 seliter mulai tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, harga runcit diesel turut mengalami penurunan

diesel sebanyak 17 sen kepada RM1.96 seliter.

"Harga runcit tersebut bagi tempoh 7 hingga 13 Mac 2020.

"Kerajaan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM) bagi penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan," menurut kenyataan tersebut.

HARGA PETROL RON95, RON97 DAN DIESEL SEPANJANG FEBRUARI

	RON95	RON97	DIESEL
1 Februari - 7 Februari	RM2.08	RM2.41	RM2.18
8 Februari - 14 Februari	RM2.04	RM2.34	RM2.08
15 Februari - 21 Februari	RM2.06	RM2.36	RM2.14
22 Februari - 28 Februari	RM2.08	RM2.38	RM2.14
29 Februari - 6 Mac	RM2.08	RM2.40	RM2.13

Sementara itu, Pakar Ekonomi Putra Business School, Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff turut menjangkakan harga minyak kekal pada tahap rendah kerana kesan daripada Covid-19.

"Wabak ini telah memperlambahkan ekonomi dunia dan mengurangkan penggunaan pengangkutan. Keadaan itu sekali gus turut mengurangkan permintaan terhadap penggunaan minyak," kata beliau.